

## Pemakaian Masyarakat Melayu Kelantan: Kajian Faktor Pemilihan Cara berpakaian

<sup>1,a</sup>Norulzaila Ismail, <sup>2,b</sup>Nur Azuki Yusuff, <sup>3,c</sup>Burhan Che Daud

<sup>1</sup>Pelajar Pusat Pengajian Bahasa Dan Pembangunan Insaniah,  
Universiti Malaysia Kelantan.

<sup>2</sup>Prof Madya Pusat Pengajian Bahasa Dan Pembangunan Insaniah,  
Universiti Malaysia Kelantan.

<sup>3</sup>Pensyarah Kanan Pusat Pengajian Bahasa Dan Pembangunan Insaniah,  
Universiti Malaysia Kelantan.

<sup>a</sup>nurulzaila11@gmail.com, <sup>b</sup>nurazuki@umk.edu.my, <sup>c</sup>burhan@umk.edu.my

**Kata kunci:** Pakaian, Masyarakat Melayu, Kelantan, Pemilihan

**Abstrak.** Pakaian melambangkan identiti dan imej seseorang. Perkembangan fesyen pakaian telah menyebabkan masyarakat kini mempunyai pelbagai pilihan untuk tampil menarik dan bergaya. Kajian ini dijalankan bagi mengenalpasti faktor yang mempengaruhi amalan pemakaian masyarakat Melayu di Kelantan. Antara faktor yang dikaji ialah faktor sosiol, faktor budaya, faktor psikologi dan faktor personal. Metodologi kajian ini berbentuk kualitatif dan menggunakan kaedah temubual untuk mendapatkan data. Seramai 12 orang informan telah terlibat dalam kajian ini. Lokasi kajian yang terlibat ialah jajahan Kelantan. Hasil dapatan kajian menunjukkan informan memberi maklum balas yang positif terhadap faktor budaya, faktor sosial, faktor psikologi dan faktor personal yang boleh mempengaruhi amalan pemakaian dalam kalangan masyarakat Melayu di Kelantan. Masyarakat melayu kini lebih mudah terpengaruh dengan media massa seperti facebook, instagram, twitter dan televisyen. Beberapa cadangan dikemukakan untuk diberi perhatian bagi kajian pada masa hadapan antaranya pihak –pihak yang bertanggungjawab dalam meningkatkan kesedaran masyarakat untuk menggalakkan amalan pemakaian yang menutup aurat.

### 1.0 Pengenalan

Pakaian merupakan satu cabang tekstil yang dihasilkan oleh manusia sejak zaman berzaman yang menjadi keperluan asas utama selepas makanan. Sejarah perkembangan tekstil dan pakaian ini bermula seiring dengan perkembangan kehidupan manusia di muka bumi ini. Pada peringkat awalnya pakaian lebih bersifat kegunaan khususnya sebagai alat perlindungan bagi memelihara anggota badan daripada sebarang keadaan cuaca serta persekitaran (Maziah Ab Rashid, 2005). Namun selepas kedatangan agama Islam telah berlakunya perubahan dalam cara pemakaian masyarakat Melayu khususnya apabila mereka telah mula memakai pakaian yang menutup aurat.

Selain itu juga, pakaian boleh melambangkan keperibadian dan identiti sesebuah masyarakat, agama dan bangsa. Melalui pakaian yang dipakai masyarakat akan mengetahui identiti mereka (Rokiah Ismail, 2003). Setiap agama mempunyai pakaian tradisional masing-masing. Begitu juga dengan masyarakat Melayu, mereka juga mempunyai pakaian tradisionalnya yang tersendiri. Pakaian tradisional masyarakat Melayu adalah baju kurung, kebaya dan baju Melayu. Pakaian ini selalunya akan dipakai dalam majlis-majlis yang tertentu untuk meraikan sesuatu majlis dalam sesebuah masyarakat seperti majlis tahlil dan majlis perayaan .

Walaupun bagaimanapun, Peredaran zaman yang semakin berkembang telah menyebabkan terhasilnya pelbagai reka bentuk pakaian yang begitu menarik dan elegan yang sesuai dengan pengguna masa kini. Dengan berlakunya kepesatan industri tekstil di negara ini telah menyebabkan pakaian tradisional tidak dilupakan malah telah diubahsuai dengan ciri-ciri keadaan semasa supaya pakaian tradisional tidak kelihatan ketinggalan zaman malah masih mengekalkan identiti kesopanan sesuatu bangsa, agama dan kaum.

Perkembangan fesyen masa kini telah menyebabkan berlakunya pelbagai transformasi dalam berpakaian yang telah menyebabkan masyarakat masa kini keliru dalam memilih pakaian sama ada menutup aurat mengikut syariat yang betul atau sekadar ingin mengikut perkembangan fesyen pakaian semasa. Islam telah memerintahkan kepada setiap manusia khususnya umat Islam agar menutup aurat dengan pakaian sopan supaya elok dipandang mata bagi membezakan antara manusia dengan haiwan. Tujuan pakaian dalam perspektif Islam adalah untuk menutup aurat dan untuk berhias-hias (Akmal Haji Mohd Zain, 2006)

Sebagai masyarakat yang beragama Islam, aurat merupakan prinsip utama yang perlu diberi perhatian terutamanya kepada golongan wanita. Golongan wanita dan lelaki wajib menutup aurat apabila seseorang itu telah mencapai usia baligh. Allah s.w.t memerintahkan umat Islam menutup aurat untuk menghindarkan mereka daripada mendapat dosa (Roslan Ab Rahman, Dasima Sidek, Khiral Anuar Daud, & Abdulsoma Thoarlim, 2015) Hal ini kerana apabila seseorang menutup aurat dengan sempurna mereka akan dihormati dan menampakkan ciri-ciri kesopanan masyarakat Melayu yang diwarisi dari turun termurun.

Namun perkembangan negara yang semakin maju dalam pelbagai bidang seperti teknologi dan media massa telah menyebabkan berlakunya keruntuhan nilai sopan dalam aspek berpakaian dalam kalangan remaja masa kini (Wan Norina Wan Hamat, Zaharah Hussin, Ahmad Fkrudin mohamed Yusoff, & Ahmad Arifin Sapar, 2013). Tanpa kita sedar masalah keruntuhan nilai kesopanan ini semakin berterusan dan kes yang melibatkan remaja semakin meningkat dari sehari ke sehari. Keadaan ini boleh memberi kesan buruk kepada negara dan masyarakat khususnya kepada remaja itu sendiri. Kesimpulannya, jelaslah bahawa kesopanan dalam berpakaian amatlah penting dalam membentuk jati diri dan menjaga maruah mereka. Hal ini kerana, menutup aurat adalah satu kewajipan yang di tuntutan oleh agama terutamanya apabila mereka ingin keluar dari rumah. Islam juga telah menetapkan garis panduan kepada kaum muslimin dan muslimah dalam berhias dan berpakaian supaya maruah mereka terus terpelihara.

### 2.0 Sorotan Literatur

Maziah (2015) menjalankan kajian yang bertajuk kaedah tradisional pembuatan tekstil dan pakaian Melayu kajian kes: Pantai Timur. Hasil kajian beliau mendapati terdapat pelbagai variasi rupa bentuk tekstil dan pakaian telah digunakan oleh masyarakat Melayu. Di Tanah Melayu tekstil merupakan objek yang menjadi sebahagian daripada peradaban hidup yang mempunyai pelbagai fungsi antaranya kain dipakai untuk menutupi badan untuk berhias dan merupakan salah satu pakaian adat. Pantai Timur merupakan pusat utama tumpuan masyarakat Melayu untuk mendapatkan hasil tenunan kerana disebabkan beberapa faktor antaranya kehebatan tukang-tukang tenun di Pantai Timur yang tiada tandingannya pada waktu itu yang mampu mencipta pelbagai rupa bentuk tekstil dan persalinan. Selain itu juga, tekstil dan pakaian Melayu dihasilkan melalui pelbagai kaedah tradisi dan diperlengkapkan dengan kemahiran dan daya kreativiti tukang. Kaedah ini tidak mengenyahkan konsep rekaan yang berkaitan dengan adat dan peradaban Melayu yang menampakkan hasil seni yang berkualiti, berfungsi, anggun dan unik.

Kek Tze Ying (2004) kajiannya yang bertajuk faktor-faktor mempengaruhi cara berpakaian di kalangan pelajar Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia. Kajian ini mengkaji jenis-jenis pakaian yang dipakai oleh pelajar serta faktor yang mempengaruhi cara berpakaian sama ada dipengaruhi oleh faktor kewangan, budaya, pengaruh rakan sebaya dan fesyen. Sample kajian adalah 327 orang pelajar. Instrument kajian adalah soal selidik dan data yang diperolehi dianalisis secara deskriptif. Hasil kajian beliau mendapati baju kurung merupakan pakaian yang diminati oleh responden perempuan untuk menghadiri kuliah dan melakukan aktiviti formal. Responden lelaki pula suka memakai kemeja “T” berkolar bersama seluar “slack” semasa menghadiri kuliah (Ying, 2004). Faktor kewangan merupakan faktor yang paling mempengaruhi cara berpakaian pelajar berbanding faktor-faktor lain.

Lawan dan Zanna (2013) membuat penilaian ke atas faktor sosio-budaya dalam mempengaruhi tingkahlaku pembelian pakaian dalam kalangan pengguna di Borno State, Nigeria. Pengkaji menggunakan soal selidik ke atas 174 responden pembeli pakaian. Data di analisis menggunakan chi-square dan hasil kajian mendapati faktor budaya merupakan faktor yang sangat berpengaruh (24.6%) dan diikuti dengan faktor ekonomi (20%) yang disebabkan oleh perbezaan pendapatan mengikut status pekerjaan. Pengkaji mencadangkan kepada peniaga supaya mengambil kira faktor budaya untuk meluaskan lagi pasaran yang sedia ada untuk meningkatkan kuasa jual beli. Pengkaji mendapati faktor budaya di pengaruhi oleh keluarga, agama dan lingkungan persekitaran individu. Hal ini kerana budaya akan mempengaruhi cara berfikir dan bertindak seseorang individu tersebut (Lawan & Zanna, 2013).

Rokiah Ismail (2003) menghuraikan minat remaja terhadap fesyen Barat. Pengkaji telah menjalankan kajian dengan menggunakan kaedah kuantitatif dan kualitatif melalui temubual dan juga pemerhatian terhadap 40 orang remaja perempuan dan lelaki. Hasil kajian mendapati golongan remaja suka memakai jeans, kemeja-T, kasual dan hiasan aksesori. Bagi remaja, fesyen tersebut kelihatan lebih menarik, lebih praktikal, mengikut trend semasa dan melambangkan stail sendiri. Remaja juga mementingkan jenama kerana dapat memberikan keyakinan yang tinggi kepada remaja apabila berhadapan dengan masyarakat. Remaja mudah terpengaruh dengan rakan sebaya, media cetak dan elektronik yang dapat memberikan maklumat terkini kepada remaja tentang fesyen yang terbaru. Remaja menganggap budaya berfesyen adalah merupakan salah satu budaya yang popular dalam kalangan remaja.

### 3.0 Metodologi Kajian

Metodologi kajian merupakan satu langkah yang penting untuk mendapatkan hasil kajian yang boleh dipercayai dan data yang tepat. Kajian ini menggunakan kaedah dan teknik mereka bentuk, mengumpul dan menganalisa data supaya dapat menghasilkan bukti yang boleh menyokong kajian ini. Kaedah yang pengkaji gunakan ialah kaedah kajian kepustakaan

dan temubual. Kaedah temubual merupakan kaedah yang melibatkan komunikasi secara langsung antara pengkaji dan informan. Manakala kajian kepustakaan dilakukan bagi mendapatkan maklumat berkaitan teori dan sejarah perkembangan pakaian.

#### 4.0 Analisis Dan Dapatan Kajian

##### 4.1 Tema-Tema Faktor Pemilihan Cara Berpakaian

###### 4.1.1 Faktor Sosial

Berdasarkan hasil temubual dengan informan, pengkaji mendapati faktor sosial merupakan faktor utama yang boleh mempengaruhi amalan pemakaian masyarakat Melayu. Subtema untuk faktor sosial ialah artis, masyarakat sekeliling, rakan sebaya dan media sosial.

###### 4.1.1.1 Artis/Model

Pengkaji mendapati subtema faktor sosial yang pertama ialah artis. Berdasarkan hasil pengkajian kesemua informan berpendapat artis merupakan faktor utama dalam mempengaruhi cara pemilihan pemakaian masyarakat Melayu. Bagi kesemua IN tersebut berpendapat cara pemakaian artis akan menjadi ikutan masyarakat Melayu. Apabila seseorang mula taksab kepada artis tersebut masyarakat sanggup menghabiskan wang untuk membeli pakaian yang digayakan oleh artis kesayangan mereka.

*“Apabila ingin memilih cara pemakaian di butik atau kedai jahit selalunya masyarakat akan membawa contoh gambar pakaian yang dipakai oleh artis mereka dan menanyakan sama ada di butik tersebut ada menjual fesyen artis tersebut ataupun tidak, kadang-kadang mereka akan meminta kita sebagai tukang jahit menjahit fesyen tersebut.”. (IN7)*

*“Selalunya model atau artis tersebut akan menggayakan pemakaian yang moden dan mengikut fesyen semasa. Bila masyarakat melihat idola atau artis kesukaan mereka memakai fesyen tersebut mereka juga ingin meniru cara pemakaian artis tersebut.”. (IN3)*

Secara keseluruhan, IN berpendapat artis boleh mempengaruhi masyarakat dengan begitu mudah tidak kira sama ada dalam soal berpakaian, kecantikan dan cara hidup. Namun tidak semua artis membawa pengaruh yang negatif malah ada yang membawa pengaruh yang positif. Walaubagaimanapun masyarakat harini ini mudah terpengaruh dengan cara hidup negatif artis tersebut. Oleh sebab itu, etika pemakaian artis haruslah mempunyai garis panduan yang sesuai dan betul.

###### 4.1.1.2 Masyarakat Sekeliling

Berdasarkan hasil kajian juga mendapati masyarakat sekeliling memainkan peranan yang penting dalam mempengaruhi cara pemakaian masyarakat Melayu, terutamanya apabila ada majlis kenduri kahwin atau majlis keramaian. Bermula daripada majlis tersebut masyarakat akan memerhati fesyen atau gaya pemakaian masyarakat yang menghadiri majlis itu terutamanya kaum wanita. Sekiranya, mereka berkenan dengan gaya tersebut mereka akan membeli atau meminta tukang jahit untuk menjahit fesyen tersebut.

*“Selalunya apabila pergi kenduri, makan malam mereka akan melihat fesyen-fesyen yang digayakan oleh masyarakat sekeliling. Jika berminat dengan fesyen tersebut mereka akan datang ke kedai untuk menjahit fesyen seperti itu.”. (IN3)*

*“Terpengaruh dengan kawan dan keadaan sekeliling. Bila melihat orang ramai memakai fesyen tersebut. Masyarakat akan berminat untuk menjahit fesyen pakaian tersebut.”. (IN5)*

Masyarakat sekeliling secara langsung atau tidak langsung boleh mempengaruhi cara pemakaian masyarakat Melayu. Oleh sebab itu, Masyarakat sekeliling perlu mewujudkan cara pemakaian yang sopan supaya boleh menjadi ikutan atau contoh yang baik kepada anggota masyarakat yang lain.

###### 4.1.1.3 Rakan Sebaya

Rakan sebaya juga merupakan salah satu faktor penting yang menyumbang kepada pemilihan cara berpakaian dalam kalangan masyarakat Melayu. Kebiasaannya rakan sebaya merupakan orang yang paling rapat dan selalu memberi pandangan dan nasihat kepada remaja bila mereka ingin memilih cara berpakaian. Pemilihan rakan sebaya yang salah boleh menyebabkan berlakunya kesalahan dalam memilih cara berpakaian.

*“Rakan sebaya mempunyai pengaruh yang sangat kuat. Selalunya apabila ingin membeli sesuatu produk mereka akan mengambil kira idea dan saranan yang diberikan oleh rakan mereka.”. (IN4)*

###### 4.1.1.4 Media Sosial (Facebook/Instagram)


Perkembangan teknologi terkini menyebabkan masyarakat Melayu mudah untuk mengakses pelbagai maklumat semasa yang berkaitan dengan fesyen. Keadaan ini memudahkan masyarakat Melayu untuk melihat perkembangan fesyen dari semasa ke semasa. Dengan adanya kemudahan online untuk membeli dan menempah baju lebih memudahkan pengguna untuk mencari fesyen-fesyen baru yang terkini. Kebanyakan fesyen baju yang dipaparkan di facebook dan instagram adalah fesyen baju yang terkini dan up to date. IN4 mengambil peluang dengan kemudahan teknologi yang ada untuk menjual dan memperkenalkan barangan yang dijual di Facebook dan Instagram.

*“Bila sudah promote di online atau kedai, melalui facebook, instagram. maklumat-maklumat tentang pakaian akan dipamerkan. Terdapat pengaruh artis, pengaruh kawan-kawan, pakaian yang dijual adalah rekaan terkini. so akan menjadi pilihan kepada masyarakat untuk memilih.”. (IN4)*

*“Selalu update berkaitan dengan fesyen, harga, bila dipaparkan di televisyen, media sosial, ada blog-blog yang menyediakan perkembangan fesyen.”. (IN4)*

*“Mereka akan mempromosikan pakaian tersebut dalam media sosial, seperti televisyen, instagram, majalah, fb.”. (IN6)*

Oleh sebab itu, bagi penggemar fesyen pakaian Melayu mereka akan mempunyai akaun facebook dan instagram untuk memudahkan mereka untuk mencari maklumat tentang fesyen pakaian terkini. Dengan kemudahan teknologi ini masyarakat tidak lagi perlu bersusah payah untuk pergi ke butik tersebut untuk membeli pakaian. Masyarakat kini boleh membuat pembayaran secara dalam talian (online). Hal ini lebih memudahkan masyarakat dan menjimatkan masa. Oleh sebab itu media sosial seperti facebook dan instagram menjadi salah satu medium untuk membeli pakaian. Hal ini dipersetujui oleh semua informan.



Rajah 4.0: Faktor Sosial

###### 4.1.2 Faktor Budaya

Faktor budaya juga menjadi penyumbang dan diambil kira apabila masyarakat ingin memilih cara berpakaian. Faktor budaya selalunya dididik dalam sesebuah keluarga. Bagi mereka yang berpegang kuat kepada budaya Melayu mereka akan mengekalkan cara berpakaian menurut cara Melayu dan Islam.

*“Selalunya apabila mereka sudah terdidik dengan budaya Melayu seseorang individu sukar untuk mengubah cara pemakaian. Walaupun kadang-kadang rakan sebaya mereka suka berfesyen mereka tidak mudah terpengaruh.”. (IN7)*

Selain daripada budaya Melayu dan barat budaya India juga boleh mempengaruhi cara pemakaian masyarakat Melayu. Budaya India juga mempunyai pengaruh yang kuat yang boleh mempengaruhi masyarakat Melayu.

*“Ya. Selalunya budaya lain seperti india. Pakaian selalu yang dijahit ialah sari.”. (IN2)*

*“Ya, selalunya budaya selalu mempengaruhi cara pemakaian. Selain itu terdapat budaya lain yang mempengaruhi cara pemakaian iaitu budaya india.”. (IN5)*

*“Ya. Masyarakat selalu akan melihat cara pemakaian terkini melalui budaya yang dibawa oleh masyarakat tersebut jika sesuai mereka akan menjahit fesyen tersebut. Kebiasaannya ialah kain sari yang dijadikan sebagai baju kurung, kurung moden.”. (IN9)*

Tidak dapat dinafikan terdapat budaya lain yang boleh mempengaruhi amalan pemakaian masyarakat Melayu kerana terdapat pelbagai kaum dan budaya di Kelantan. Oleh sebab itu sebagai pengguna kita haruslah bijak dalam memilih apabila ingin bergaya dan kelihatan menarik. Walaupun di didik oleh budaya Melayu dan Islam namun masyarakat tetap mudah terpengaruh dengan budaya lain yang terdapat di persekitaran mereka.

#### 4.1.2.1 Faktor Agama

Agama juga merupakan faktor yang akan diambil kira apabila masyarakat Melayu ingin bergaya dan menjahit baju. Faktor agama bergantung kepada diri individu itu sendiri. Menurut informan (IN7) sesetengah masyarakat mereka akan meletakkan agama sebagai faktor penting dalam memilih cara berpakaian. Selalunya mereka akan meminta tukang jahit menghasilkan baju yang longgar dan tidak ketat. Jika baju tersebut terlalu nipis mereka akan membuat alas untuk mengurangkan kenipisan baju tersebut.

*“Ya, bergantung kepada individu. ada yang memilih pakaian yang longgar dan ketat. Ikut kepada pemakai. Selalunya mengikut ukuran standard tukang jahit. Kalau baju nipis mereka akan buat alas supaya baju itu tidak jarang”.*(IN7)

Walaubagaimanapun pendapat ini berbeza dengan informan lain yang menyatakan masyarakat kini tidak mengambil kira soal agama apabila ingin memilih cara berpakaian. Masyarakat kini suka memilih cara berpakaian yang ketat tapi tidak terlalu seksi. Pendapat ini di peretujui oleh IN1, IN2, IN3, IN4, IN5, IN8, IN10, IN12.

*“Bergantung kepada individu, ada yang suka ikut bentuk tubuh, ada yang sukakan longgar. Kadang-kadang kita akan bagi nasihat untuk memilih baju yang longgar supaya boleh dipakai pada jangka masa yang lama”.*(IN1).

*“Ya, bergantung kepada individu. Ada yang memilih longgar ada yang suka mengikut bentuk dengan badan”.*(IN2).

*“Cara pemakaian harini mengikut bentuk tubuh. Walaupun menutup aurat tapi masih ketat. Masyarakat lebih mementingkan berfesyen dari menutup aurat dengan sempurna”.*(IN3).

Informan melihat cara pemakaian yang ketat dan mengikut tubuh badan ini semakin berleluasa pada masa kini yang berpunca daripada nilai penghayatan agama yang rendah. Analisa menunjukkan informan berpendapat bahawa agama memainkan peranan yang penting dalam memilih cara berpakaian. Tahap pemahaman dan penghayatan agama yang rendah mengundang kepada cara pemakaian yang salah dan tidak mengikut ajaran agama dan cara pemakaian Melayu yang sopan. Senario tersebut menyebabkan semua informan tidak menolak kepentingan agama dalam mempengaruhi cara pemakaian masyarakat hari ini.

#### 4.1.2.2 Taraf Sosial

Taraf sosial juga menjadi faktor penyumbang kepada pemilihan cara berpakaian masyarakat Melayu di Kelantan. Taraf sosial yang berbeza seperti miskin, kaya dan sederhana menyebabkan cara pemakaian juga menjadi berbeza mengikut kemahuan pengguna. Material kain yang dipilih juga berbeza. Bagi mereka yang berkemampuan mereka akan memilih material yang baik, berkualiti dan tahan lama berbanding dengan masyarakat yang berada dalam golongan sederhana mereka akan memilih mengikut kemampuan mereka.

*“Ya. Kalau yang kaya selalu akan jahit yang berfesyen dan mengikut trend, kalau golongan sederhana menjahit baju yang biasa dan tidak memerlukan kos jahitan yang tinggi”.*(IN2)


*“Ya. Kalau yang ada duit akan membeli yang berkualiti dan mahal. Kalau yang murah kurang berkualiti@kualiti rendah bergantung kepada taraf sosial atau kemampuan pembeli”.*(IN4)

Namun ada sebahagian pengguna yang mementingkan penampilan yang bergaya dan cantik walaupun mempunyai taraf hidup yang sederhana. Bagi golongan ini mereka sanggup mencari wang untuk memenuhi kehendak mereka.

*“Ya. Bergantung kepada individu. Ada yang kaya tapi suka pakai pakaian yang simple sahaja. Ada yang suka pakai pakaian yang memerlukan kos jahitan yang tinggi. Walaupun tidak mempunyai wang ada sesetengah masyarakat sanggup bayar secara ansuran untuk mendapatkan fesyen pakaian yang disukai”.*(IN1)

*“Tidak dapat dibezakan. Tidak semestinya kaya mempunyai citarasa yang tinggi dan mereka yang tidak berkemampuan tidak mempunyai citarasa. Dalam berfesyen tidak kira taraf sosial jika mereka ingin mendapatkan fesyen tersebut mereka akan berusaha untuk membeli atau menjahit fesyen yang diinginkan”.*(IN3)

Hal ini menunjukkan taraf sosial mempunyai pengaruh secara langsung dalam mempengaruhi cara berpakaian masyarakat Melayu. Bagi kelihatan bergaya dan menarik masyarakat sanggup menghabiskan wang untuk mendapatkan fesyen yang mereka inginkan. Hal ini kerana penampilan sangat penting bagi mendapat tempat dalam kalangan masyarakat.



Rajah 4.1: Faktor Budaya

#### 4.1.3 Faktor Psikologi

Faktor psikologi juga mempunyai pengaruh terhadap cara pemakaian masyarakat Melayu di Kelantan. Subtema bagi faktor psikologi terbahagi kepada tiga iaitu ialah kepuasan, keyakinan dan motivasi.

##### 4.1.3.1 Kepuasan

Pengkaji juga mendapati tema seterusnya ialah kepuasan. Apabila masyarakat Melayu ingin mengayakan fesyen tersebut mereka akan mengambil kira faktor kepuasan. Mereka akan berasa puas hati sekiranya dapat memakai fesyen kegemaran mereka. Rata-rata informan memberi maklum balas yang menggambarkan bahawa faktor kepuasan memainkan peranan dalam mempengaruhi cara pemakaian masyarakat Melayu pada hari ini.

*“Ya. Bila mereka tidak puas hati mereka tidak memilih akan fesyen tersebut. Apabila mereka berpuas hati mereka akan datang lagi untuk menjahit fesyen baju yang terkini”.*(IN1)

*“Ya. Bila seseorang rasa sesuai mereka berpuas hati mereka akan lebih yakin untuk memperagakan fesyen-fesyen lain yang lebih menarik”.*(IN2)

*“Ya, bila mereka berasa puas hati mereka akan mempromosikan pakaian tersebut kepada orang lain”.*(IN6)

Hal ini menunjukkan faktor kepuasan juga menjadi penyebab kepada masyarakat apabila ingin memilih cara berpakaian. Kepuasan penting untuk memastikan seseorang berpuas hati dengan pakaian yang dibeli atau dijahit. Sekiranya mereka tidak berpuas hati mereka tidak akan datang lagi ke butik tersebut untuk membeli pakaian.

##### 4.1.3.2 Keyakinan

Selain itu juga, memakai baju terkini dan “up do date” dapat memberi keyakinan diri kepada pengguna. Mereka akan merasa yakin untuk membuat kerja harian seperti menghadiri kuliah, bekerja dan belajar.

*“Bila memakai fesyen yang terkini mereka akan merasa yakin untuk bergaya. Apatah lagi jika ada rakan-rakan yang memuji fesyen tersebut mereka akan lebih merasa yakin untuk tampil bergaya selepas itu”.*(IN2)

*“Baju memainkan peranan yang penting, bila pakai baju yang cantik automatik kita akan rasa berkeyakinan untuk pergi ke kelas dan bekerja., pakai baju yang menampakkan diri, kita akan rasa confident, warna baju juga memainkan peranan yang penting. pakaian boleh merubah mood”.*(IN4)

Oleh sebab itu, keyakinan juga merupakan aspek yang penting apabila ingin memilih cara berpakaian kerana keyakinan dapat menaikkan semangat seseorang untuk menjalankan aktiviti seharian.


#### 4.1.3.3 Motivasi

Di samping itu juga, pemilihan cara berpakaian yang betul juga dapat meningkatkan motivasi pelajar atau masyarakat untuk melakukan sesuatu pekerjaan atau kelas. Pemakaian yang sesuai akan menyebabkan mereka lebih bersemangat pada hari tersebut.

*“ya, pakaian memberi motivasi. pakaian yang mengikut syariat, kita akan rasa kita sudah menurut syariat bila kita pakai pakaian kita akan motivate, kemas, sopan. kita sudah ikut syariat pakaian sesuai dan orang lain. bila orang lihat kemas dan bagi motivasi kepada orang lain dan diri sendiri”.*(IN4)

*“Ya, motivasi untuk lebih mengikuti fesyen-fesyen terkini dan menaikan semangat untuk bekerja dengan lebih rajin untuk bekerja supaya dapat menjahit fesyen-fesyen yang lebih up-to-date”.*(IN8)

Motivasi juga memainkan peranan dalam pemilihan cara berpakaian supaya kita sentiasa bermotivasi untuk membaiki diri ke arah yang lebih baik melalui cara berpakaian. Selain itu juga untuk memberi semangat untuk bekerja dengan lebih tekun dan rajin.



Rajah 4.2: Faktor Psikologi

#### 4.1.4 faktor Personal

Selain itu juga, faktor personal seperti kebiasaan, kewangan, umur dan pekerjaan juga menyumbang kepada pemilihan cara berpakaian masyarakat Melayu di Kelantan. Faktor personal terdiri daripada subtema kebiasaan, kewangan, umur dan pekerjaan.

##### 4.1.4.1 Keselesaan

Faktor keselesaan juga boleh mempengaruhi amalan cara berpakaian masyarakat Melayu Kelantan. Apabila seseorang individu sudah selesa dengan cara pemakaian tersebut sukar untuk mereka mengubah penampilan mereka. Bagi mereka menjadi diri sendiri adalah lebih baik.

*“Kerana keselesaan dan fesyen terkini. Masyarakat sekeliling”.*(IN2)

*“Keselesaan, ikut fesyen semasa. Kalau masyarakat muda akan memberikan contoh fesyen yang ingin dijahit”.*(IN5)

*“Kerana keselesaan, kerana ingin menghadiri majlis-majlis yang tertentu”.*(IN11)

Bagi Informan IN2, IN5 dan IN11 faktor keselesaan juga boleh mempengaruhi dalam pemilihan cara berpakaian masyarakat Melayu. Keselesaan akan menyebabkan mereka akan selalu memilih pakaian tersebut. Apabila berasa selesa aktiviti seharian juga akan berjalan dengan lancar tanpa sebarang gangguan.

##### 4.1.4.2 Kewangan

Amalan pemakaian masyarakat Melayu juga dipengaruhi oleh status kewangan. Kewangan juga mempengaruhi seseorang individu atau anggota masyarakat dalam membelanjakan wang untuk membeli pakaian kesukaan mereka. Menurut IN1, IN2, IN8, IN9, IN10 dan IN11 kewangan mempengaruhi corak perbelanjaan pengguna dalam membeli atau menjahit pakaian.

*“Bergantung kepada pemakai. Walaupun mahal mereka sanggup menjahit pakaian tersebut. Kadang-kadang mereka akan bagi deposit untuk menjahit pakaian tersebut.”*(IN1)

*“Ya. Mereka yang mempunyai kewangan yang kukuh sanggup membeli pakaian yang mahal. Selalunya bagi yang berjaya dan bergaji tinggi mereka akan menjahit pakaian setiap minggu dan berfesyen. Bagi yang mempunyai kewangan yang sederhana selalunya mereka jarang menjahit pakaian kecuali bila ada majlis-majlis tertentu”.*(IN2)

*“Ya. Mereka yang mempunyai kewangan yang kukuh sanggup menghabiskan wang untuk membeli pakaian yang berharga mahal. Bagi mereka yang mempunyai faktor kewangan yang sederhana akan memilih fesyen yang bersesuaian dengan bajet kewangan mereka”.*(IN10)

Faktor kewangan akan menjadi bajet kepada masyarakat apabila ingin berfesyen dan memilih cara berpakaian. Bagi mereka yang mempunyai kewangan yang kukuh mereka akan memilih pakaian yang lebih mahal berbanding dengan mereka yang mempunyai tahap kewangan yang sederhana.

##### 4.1.4.3 Umur

Umur juga memainkan peranan yang penting dalam mempengaruhi cara pemakaian masyarakat Melayu. Bagi mereka yang berumur 20an pemilihan cara pemakaian agak ketat dan mengikut perkembangan semasa. Kebanyakan golongan muda ini mempunyai idola mereka untuk berfesyen. Selalunya mereka menjadikan artis dan model pakaian mereka. Manakala bagi sesetengah mereka yang berumur mereka lebih suka bersederhana dalam memilih cara berpakaian. Namun bagi sesetengah masyarakat yang dah biasa berfesyen ketika muda dulu masih akan terus berfesyen walaupun umur semakin meningkat.

*“Yup. Bagi masyarakat muda mereka memilih fesyen terkini. Bagi mereka yang berusia mereka akan memilih fesyen yang sesuai dengan usia mereka”.*(IN1)

*“Ya. Remaja muda umur 18-an hingga 30 an lebih heavy dalam berfesyen terikat dan ikut fesyen. Umur 30 keatas berfesyen tapi tidak keterlaluan”.*(IN2)

*“Ya. Bergantung kepada individu. Bagi golongan tua cara pemakaian adalah sederhana. Bagi golongan muda pakaian mereka adalah fesyen terkini dan terlalu ekstrem”.*(IN3)

Walaubagaimanapun pendapat ini berbeza dengan IN9 dan IN10 yang menyatakan umur bukan penghalang kepada masyarakat untuk tampil bergaya dan menarik. Hasil temubual menunjukkan walaupun umur 30-an masyarakat Melayu masih lagi ingin berfesyen mengikut perkembangan semasa.

*“Tidak. Sekarang ini tidak kira usia. Walaupun berumur 40-an masih lagi ingin berfesyen dan ingin berpenampilan menarik”.*(IN9)

*“Ya. Orang yang berumur 40-an selalunya memilih jubah sebagai cara pemakaian mereka, bagi sesetengah mereka yang memang suka bergaya akan mengikut trend fesyen semasa walaupun berusia. Bagi berumur 30an, selalunya akan mengikut bentuk badan”.*(IN10)

Ini menunjukkan umur juga boleh mempengaruhi amalan berpakaian masyarakat Melayu. Bagi mereka yang berumur 30-an kebawah mereka akan mengikut perkembangan semasa untuk mengetahui tentang fesyen terkini manakala bagi mereka yang berumur 30-an ke atas mereka akan berfesyen mengikut kemampuan namun bagi sesetengah masyarakat yang sememangnya sudah terdedah dengan fesyen semasa semasa muda akan terus berfesyen tanpa mengira usia.

##### 4.1.4.4 Pekerjaan

Bagi mereka yang mempunyai kerjaya mereka akan memerlukan fesyen-fesyen yang terkini untuk menghadiri majlis seperti makan malam, kursus dan majlis keraian di pejabat. Oleh sebab itu, mereka sanggup berbelanja untuk menjahit fesyen kegemaran mereka. Selalunya fesyen yang dijahit mengikut fesyen terkini dan “up to date”. Manakala bagi mereka yang mempunyai pekerjaan seperti jururawat dan mempunyai uniform pakaian mereka jarang menjahit pakaian kecuali apabila ada majlis tertentu berbeza dengan mereka yang tidak memakai uniform contohnya guru. Bagi mereka yang tidak bekerja mereka tidak perlu selalu untuk menjahit pakaian dan mereka akan berkira untuk menjahit fesyen pakaian kerana upah yang mahal mereka tidak mampu. Oleh tu mereka kan memilih fesyen yang mampu dibayar.


*“Ya, bagi mereka yang bekerja akan memilih pakaian yang besesuaian dengan kerja mereka. Contohnya cikgu: selalunya memilih cara pemakaian yang longgar dan menutup aurat. Contohnya jururawat swasta memilih pakaian cara jubah. Bagi mereka yang tidak bekerja mereka akan menjahit pakaian biasa”.*(IN2)

*“Orang yang bekerja akan pilih yang cantik, sesuai dan mengikut keadaan kewangan,”*

Untuk pergi kerja mereka akan beli pakaian yang selesa contoh government akan beli baju kurung, baju kurung yang up do date dan tidak ketinggalan zaman".(IN4)


"Ya. Selalunya bagi yang bekerja guru mereka akan menjahit baju kurung riyau dan kurung moden. Bila ada majlis tertentu golongan guru ini akan memilih fesyen yang terkini dan up to date. Bagi mereka yang bekerja kedai makan akan memilih fesyen-fesyen terkini. manakala jururawat selalunya akan menjahit baju kurung dan dress."(IN9)

Secara tidak langsung pekerjaan turut mempengaruhi cara pemakaian masyarakat Melayu. Bagi mereka yang bekerja mereka akan selalu menjahit pakaian mengikut fesyen terkini kerana mereka berkemampuan manakala mereka yang tidak bekerja mereka tidak mempunyai pendapatan tetap untuk menjahit atau membeli pakaian mengikut fesyen terkini.



Rajah 4.3 : Faktor Personal

Hasil analisis temubual dengan informan telah menghasilkan 4 tema utama iaitu faktor sosial, faktor budaya, faktor psikologi dan faktor personal. Empat tema tersebut telah dipecahkan kepada beberapa subtema untuk mendapatkan gambaran yang lebih jelas mengenai faktor-faktor yang mempengaruhi amalan pemakaian masyarakat Melayu di Kelantan. Di bawah adalah gambarajah kesemua tema-tema yang ditemui oleh pengkaji.



Rajah 4.4: Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi amalan Pemakaian Masyarakat Melayu Di Kelantan

Daripada gambarajah didapati terdapat pelbagai faktor yang boleh mempengaruhi cara berpakaian masyarakat melayu. Hal ini menunjukkan faktor sosial sangat memberi dampak yang besar kepada pemilihan cara pemakaian dalam kalangan masyarakat Melayu masa kini. Masyarakat masa kini lebih mudah terpengaruh dengan media sosial dan suka meniru cara artis berpakaian dan menjadikan artis sebagai ikon fesyen. Malahan kini dengan dunia tanpa sempadan menyebabkan masyarakat mudah untuk mengakses pelbagai maklumat untuk mengetahui tentang fesyen terkini. Oleh sebab itu pentingnya mewujudkan budaya pemakaian masyarakat Melayu yang berlandaskan Agama Islam dan mempunyai ciri kemelayuan.

**Kesimpulan**

Kesimpulannya, terdapat banyak faktor yang mempengaruhi cara pemilihan berpakaian dalam kalangan remaja seperti faktor sosial, faktor psikologi dan faktor peribadi. Golongan masyarakat gemar memilih cara berpakaian yang ringkas dan nampak menarik. Masyarakat hari ini gemar memilih fesyen semasa dan up to date dan cenderung untuk mengikut artis dalam memilih cara berpakaian.. Namun dalam memilih cara berpakaian aurat merupakan satu tuntutan agama yang harus diutamakan. Oleh sebab itu, masyarakat haruslah memilih pakian yang bersesuaian dengan agama dan budaya masyarakat Melayu. Berpakaian sopan amatlah penting untuk menjaga maruah masyarakat supaya terus terpelihara.

**Rujukan**

Akmal Haji Mohd Zain. (2006). *Halal Dan Haram Dalam Kehidupan*. Kuala Lumpur : Al-Hidayah Publishers.

Lawan, L. A., & Zanna, R. (2013). Evaluation of Socio-Cultural Factors Influencing Consumer Buying Behaviour of Clothes in Borno State, Nigeria. *International Journal of Basic and Applied Science*, 01(No 3), 519-529.

Maziah Ab Rashid. (2005). *Kaedah Tradisional Pembuatan Tekstil Dan Pakaian Melayu Kajian Kes : Pantai Timur*. (Tesis Phd), Universiti Malaya Kuala Lumpur.

Rokiah Ismail. (2003). *Fesyen Pakaian Remaja: Mengapa perlu "Ranggi"*. Paper presented at the Prosiding Persidangan Kebangsaan, UKM Bangi.

Roslan Ab Rahman, Dasima Sidek, Khiral Anuar Daud, & Abdulsoma Thoarlim. (2015). *Kepentingan Memberi Salam Dan Etika Berpakaian Menurut Islam*, Universiti Sultan Zainal Abidin, Malaysia.

Wan Norina Wan Hamat, Zaharah Hussin, Ahmad Fkrudin mohamed Yusoff, & Ahmad Arifin Sapar. (2013). Pengaruh Media Massa Terhadap Penampilan Akhlak Pelajar islam Politeknik Malaysia. *The Online Journal Of islamic Education*, Vol.1 (1).

Ying, K. T. (2004). *Faktor-Faktor Mempengaruhi Cara Berpakaian Di Kalangan Pelajar Fakulti pendidikan Universiti Teknologi malaysia*. (Ijazah Sarjana), Universiti Teknologi Malaysia.